



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 15/ 1976**

*Pengisytiharan kawasan Di Bawah Seksyen 136 (2) (a)
Kanun Tanah Negara*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai penyediaan jalan keluar masuk bagi bahagian-bahagian pecahsempadan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 136(1) (h) Kanun Tanah Negara.

2. Seksyen 136(1) (h) Kanun Tanah Negara memperuntukan seperti berikut:

“ 136. (1) x x x x

(h) that, except in the case of any subdivisional portion from which there will be direct access thereto, a satisfactory means of access will be available as of right from each such portion either a road, a river, a part of the foreshore or a railway station, or to a point within the land from which such a means of access will be available or be capable of being obtained by application to the Collector under Part Twenty-eight.”

3. Dalam kawasan yang tidak diisytiharkan di bawah seksyen 136 (2) (a) Kanun Tanah Negara, syarat di bawah seksyen 136 (1) (h) adalah dipenuhi jika tuanpunya tanah bersetuju dalam permohonannya bahawa ia akan menyediakan jalan keluar masuk dalam salah satu cara yang berikut:

- (i) dengan jalan raya persendirian yang dikeluarkan hakmilik berasingan untuknya; atau
- (ii) melalui tanah yang akan dianggap sebagai diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri; atau
- (iii) dengan hak lalulintas yang akan diisytiharkan oleh Pemungut.

4. Tetapi dalam kawasan yang telah diisytiharkan di bawah seksyen 136 (2) (a) Kanun Tanah Negara, kehendak seksyen 136 (1) (h) hanya dipenuhi jika tuanpunya tanah bersetuju dalam permohonannya seperti berikut:

- (i) akan menyediakan satu jalan keluar masuk yang akan dianggap sebagai diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri; DAN
- (ii) akan membina jalanraya mengikut piawaian yang dinyatakan di dalam pengisytiharan.

Jika tanah yang dikehendaki untuk jalan keluar masuk itu perlu dianggap sebagai diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan jika tuan tanah perlu dikehendaki membina jalan raya mengikut sesuatu piawaian, maka tindakan hendaklah diambil untuk mengisytiharkan kawasan yang berkenaan di bawah seksyen 136 (2) (a) Kanun Tanah Negara. Pengisytiharan tersebut perlulah diwartakan dengan menggunakan borang di Lampiran ‘A’ atau seumpamanya.

5. Seorang tuan tanah itu tidak boleh dipaksa supaya menyetujui menganggap mana-mana tanah untuk jalan keluar masuk sebagai diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri melainkan ianya telah menyatakan hakikat ini di dalam permohonannya atau jika kawasan di mana tanah itu terletak diisytiharkan di bawah seksyen 136 (2) (a) Kanun Tanah Negara. Tuan tanah juga tidak boleh dipaksa untuk membina sesuatu jalan raya mengikut sesuatu piawaian melainkan jika

kawasan di mana tanahnya itu terletak telah diisytiharkan. Jika sesuatu kawasan telah diisytiharkan dan permohonan untuk pecah sempadan bagi sesuatu tanah dalam kawasan itu telah diluluskan, surat menyampaikan kelulusan pecahsempadan itu hendaklah mengandungi satu syarat bahawa tindakan akan diambil untuk menyediakan, mendaftar dan mengeluarkan suratan-suratan hakmilik untuk bahagian –bahagian pecah sempadan itu selagi jalan raya seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan itu tidak disediakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan (Pihak Berkuasa Tempatan atau Jurutera Negeri atau Daerah).

6. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini diminta supaya mengambil perhatian mengenai kehendak-kehendak di perenggan-perenggan 2, 3, 4, dan 5 di atas apabila memproses sesuatu permohonan pecah sempadan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

P.T.TM 103

Kuala Lumpur,
Ogos, 1976.

*Pengisytiharan Kawasan Di Bawah
Seksyen Kecil (2) (a) Seksyen 136
Kanun Tanah Negara*

Pihak Berkuasa Negeri dengan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen kecil (2) (a) seksyen 136 Kanun Tanah Negara adalah dengan ini mengisytiharkan satu kawasan yang terletak di Daerahsebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang disimpan No.....yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Negeri.....sebagai satu kawasan di mana pecahsempadan oleh Pesuruhjaya atau Pemungut, mengikut mana yang berkenaan, tidaklah boleh diluluskan melainkan jika tuannya tanah telah bersetuju di dalam permohonannya bahawa _

- a) beliau akan menyediakan jalan keluar masuk yang perlu untuk tiap-tiap bahagian pecahsempadan dengan membina satu jalan raya mengikut piawaian yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah; dan
- b) tanah yang digunakan untuk jalan raya tersebut akan dianggap sebagai telah diserahkan kepada Pihak berkuasa Negeri mulai dari tarikh pengeluaran surat-suratan hakmilik untuk bahagian-bahagian pecahsempadan itu.

Bertarikh.....haribulan.....19.....

.....
Setiausaha Majlis

JADUAL

.....
.....
.....
.....